

Tahap Kefahaman Amalan Khurafat dalam kalangan Murid Sekolah Menengah Agama di Daerah Papar, Sabah

Level of Understanding of Superstitious Practices among Students in Religious Secondary Schools in Papar District, Sabah

Nur Athirah Syazwani bt. Adhnizam,* Samsuddin b. Abdul Hamid

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

*Corresponding author: thraesyae@gmail.com

Received: 10 Mac 2025; **Accepted:** 24 May 2025; **Published:** 20 June 2025

To cite this article (APA): Ady Adhnizam, N. A. S., & Abdul Hamid, S. (2025). Tahap Kefahaman Amalan Khurafat dalam kalangan Murid Sekolah Menengah Agama di Daerah Papar, Sabah. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 110-121. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.9.2025>

Abstrak

Amalan khurafat merupakan amalan yang dilarang dalam Islam. Walaupun dilihat suatu kelaziman dan diamalkan dalam masyarakat, namun ia memberikan kesan terhadap akidah umat Islam. Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai masyarakat yang berbilang suku kaum, kepercayaan dan adat resam. Terdapat campur aduk adat resam yang diamalkan dan mempunyai unsur-unsur khurafat yang bertentangan dengan akidah Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman murid sekolah menengah agama terhadap amalan khurafat, faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi murid sekolah menengah agama terhadap amalan khurafat dan menganalisis tahap kefahaman murid terhadap amalan khurafat dalam membentuk tindakan murid sekolah menengah agama. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Seramai 52 responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di sekolah menengah agama di daerah Papar, Sabah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian perisian *Statistical Packages For Sosial Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min. Hasil kajian mendapati purata min bagi tahap kefahaman amalan khurafat dalam kalangan responden ialah 4.27, purata min faktor-faktor mempengaruhi responden dalam memahami amalan khurafat ialah 3.96 dan purata min kesan tahap kefahaman murid terhadap amalan khurafat dalam membentuk tindakan ialah 4.46. Implikasi kajian menunjukkan bahawa terdapat faktor yang boleh mempengaruhi pemahaman murid terhadap amalan khurafat dan memberikan kesan terhadap perbuatan atau tindakan dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: Kefahaman, amalan khurafat, murid sekolah menengah agama, Sabah

Abstract

Superstitious practices are prohibited in Islam. Although it is seen as a common practice and practiced in society, it has an impact on the faith of Muslims. Sabah is a state with a multi-ethnic society, beliefs, and customs. There is a diversity of customs with elements of superstition that are contrary to Islamic faith. Therefore, this study aims to identify the understanding of religious secondary school students regarding superstition practices, the factors that influence their perceptions of superstition practices, and to analyze students' knowledge of superstition practices in shaping their actions. This study uses a quantitative design. A total of 52 respondents were selected using the simple random sampling method in religious secondary schools in the Papar district, Sabah. The study data were analyzed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to obtain frequencies, percentages, and mean values. The study's results showed that the average mean value for understanding superstitious practices among respondents was 4.27, the average mean of factors influencing respondents' understanding of superstitious practices was 3.96, and the average mean of the impact of students' knowledge of superstitious practices on their actions was 4.46. The study's implications suggest that certain factors can influence students' understanding of superstitious practices and impact their daily actions.

Keywords: Understanding, superstitions practices, secondary school student, Sabah

Pendahuluan

Kedatangan Islam di Tanah Melayu telah memberikan kesan dalam kefahaman dan penghayatan agama. Walau bagaimanapun kepercayaan asal dan amalan yang tiada asas sandaran dalam ajaran Islam turut diikuti atau masih diamalkan. Kajian Abd Hadi Borham (2021) menunjukkan antara faktor kepercayaan adat sebahagian masyarakat terhadap ilmu-ilmu yang diturunkan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu, telah memberikan implikasi terhadap penghayatan Islam. Amalan yang mempunyai unsur khurafat berkembang melalui adat-adat kebiasaan masyarakat seperti dalam perkahwinan, perayaan, aktiviti harian dan banyak lagi adat-adat kebiasaan masyarakat yang menjadi amalan khurafat jika dilakukan dan dipercayai. Pada umumnya, Islam tidak melarang sesuatu ilmu ataupun amalan selagimana ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam yang sebenar. Kaedah ini disebutkan oleh Imam al-Suyuti: *“Asal sesuatu perkara adalah harus sehingga terdapat dalil yang menunjukkan keharamannya perkara tersebut.”* Namun, sesuatu amalan baru yang tidak ada dalam nas al-Quran atau hadis dan tidak berlaku pada zaman Rasulullah, haruslah merujuk kepada pendapat para ulama yang mu'tabar. Hal ini bagi mengelakkan seseorang daripada melakukan amalan yang bertentangan dengan agama Islam. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kefahaman berkaitan amalan khurafat dimasukkan dalam silibus mata pelajaran pendidikan Islam di peringkat menengah. Ia bukanlah satu mata pelajaran untuk tujuan pengukuran akademik semata-mata, namun ia adalah asas pembentukan pandangan sarwa yang menyeluruh berteraskan wahyu.

Latar Belakang Kajian

Khurafat merupakan satu amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Maksud khurafat dari segi bahasa boleh dilihat daripada pelbagai rujukan. Menurut Kamus Dewan (2005), khurafat dari segi bahasa Melayu adalah kepercayaan karut, dongeng dan tahyul. Manakala menurut Al-Mu'jam Al-Wasit (1998), khurafat berasal daripada perkataan خُرَافَ yang

bermaksud mengada-adakan sesuatu yang tidak masuk akal. Berdasarkan Oxford English Dictionary (2024), khurafat dalam bahasa Inggeris disebut sebagai superstition. Secara keseluruhannya khurafat dari segi bahasa menggambarkan kepercayaan atau amalan yang tidak berasas, tidak sah dan bertentangan dengan logik akal serta kebenaran yang sebenar. Dari segi istilah pula, khurafat merupakan apa-apa kepercayaan atau amalan yang bercanggah dengan prinsip tauhid dan tidak memiliki asas dalam al-Quran, al-Sunnah atau athar sahih (Ibn Taymiyyah, 2001). Melalui beberapa definisi tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2011), telah membuat kesimpulan dengan menyatakan definisi khurafat adalah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang-larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Hukum beramal dengan amalan khurafat adalah haram seperti nasihat Luqman kepada anaknya agar tidak mensyirikkan Allah SWT. Nasihat ini dirakam dalam al-Quran:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَبْنَىٰ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Terjemahan: *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*

(Surah Luqman, 13)

Berdasarkan ayat di atas, Luqman menasihatkan anaknya agar beribadah kepada Allah dan tidak menyekutukan-Nya kerana ia kezaliman yang besar (*zulm*). Ibn Kathir (1999) dalam menafsirkan ayat tersebut, menjelaskan kezaliman (*zulm*) adalah dosa besar sepertimana dalam hadith yang diriwayatkan al-Bukhari:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ { الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ } شَقَّ ذَلِكَ عَلَى أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالُوا إِنَّا لَمْ يَلْبِسْ إِيمَانُهُ بِظُلْمٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُ لَيْسَ بِذَلِكَ أَلَا تَسْمَعُونَ إِلَى قَوْلِ لُقْمَانَ { إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ }

Terjemahan: *Telah menceritakan kepada kami Qutaibah bin Sa'id, telah menceritakan kepada kami Jarir dari al-A'masy dari Ibrahim dari 'Alqamah dari Abdullah r.a menyatakan, ketika turun ayat, “Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik) (Surah al-An'am, 82). Para sahabat Nabi SAW merasa gusar dan bertanya: “Siapakah diantara kami yang tidak mencampur keimanannya dengan kezaliman?” Maka Rasulullah SAW menjawab: “Bukan itu yang dimaksudkan, tidakkah kalian mendengar ucapan Luqman, ‘sesungguhnya kesyirikan adalah kezaliman yang besar.’ (Surah Luqman, 13)*

(Riwayat al-Bukhari, no. hadith 6407).

Dalam konteks ini, Jabatan Mufti Negeri Sabah telah menerbitkan buku panduan “Panduan Mengenali Khurafat dan Azimat” pada tahun 2019. Panduan ini menjelaskan konsep khurafat dan azimat. Amalan khurafat merupakan cerita rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Manakala azimat pula adalah barang (tulisan) yang dianggap mempunyai kuasa sakti apabila dijampi atau dipuja, ianya boleh menunaikan segala hajat pemakainya sama ada untuk melindungi dirinya atau memudaratkan orang lain. Kepercayaan dan amalan yang sedemikian itu boleh membawa kepada syirik dan penyelewengan akidah serta syaria Islam (Jabatan Mufti Negeri Sabah, 2019).

Permasalahan Kajian

Kepelbagaian adat resam masyarakat di Sabah mewujudkan campur aduk dengan unsur khurafat dalam sesuatu amalan yang dilakukan. Kepercayaan tersebut merupakan ajaran animisme yang merupakan suatu bentuk kepercayaan primitif yang memberi penekanan terhadap kewujudan makhluk halus dan roh sebagai suatu asas kepada kepercayaan manusia (Abd Hadi Borham, 2021). Ajaran animisme mula berkembang dan masih lagi di amalkan sehingga kini oleh segelintir masyarakat terutamanya di bahagian Sabah dan Sarawak. Antara ciri-ciri yang dapat dilihat melalui amalan khurafat yang masih diamalkan oleh masyarakat di Sabah adalah, kepercayaan terhadap petanda-petanda dan pantang larang. Oleh itu, amalan yang dilakukan perlu dipastikan selaras dengan tuntutan syarak agar ianya tidak bertentangan dengan akidah Islam.

Terdapat unsur-unsur luar yang meracuni pemikiran murid (Shaqila Rashid, 2016). Filem adalah antara salah satu karya seni yang terkenal di Malaysia dimana semua lapisan masyarakat menonton filem tidak kira lapisan umur. Namun, terdapat juga unsur akidah yang diselewengkan dalam sesetengah filem yang meracuni pemikiran manusia terutamanya golongan kanak-kanak kerana mereka belum mempunyai ilmu yang kukuh mengenai amalan syirik tersebut. Hal ini menyebabkan terdapat sebahagian masyarakat yang tidak mengetahui amalan syirik itu sendiri kerana ianya diamalkan secara normal dalam kehidupan masyarakat meskipun beragama Islam. Sebagai contohnya, amalan khurafat seperti membakar kemenyan atas dasar kemenyan tersebut dapat melindungi diri.

Selain itu, warisan nenek moyang menjadi adat yang dilakukan secara turun-temurun (Rahmat Abdullah, 2023). Ajaran nenek moyang sememangnya dilakukan oleh masyarakat di Malaysia sejak turun temurun kerana mereka percaya bahawa nenek moyang mempunyai pengalaman yang hebat sewaktu kehidupan mereka. Sehingga hari ini, masih ada yang mempercayai perkara karut tersebut. Sebagai contohnya kemenyan, dibawa ke sekolah oleh sesetengah murid yang didapati adalah arahan daripada atok, nenek atau ibu bapa murid itu sendiri yang mengarahkan mereka untuk membawanya ke sekolah kononnya sebagai pelindung mereka daripada orang jahat. Cara dan kaedah yang digunakan dalam melakukan sesuatu amalan itu tidak bertepatan dengan syarak atau bercampur aduk dengan unsur yang bercanggah dengan prinsip Islam (Kamel Mat Salleh et al, 2023). Meskipun berlakunya peredaran zaman, namun masih terdapat lagi amalan yang dilakukan yang bercanggah dengan syarak. Hal ini disebabkan oleh kurangnya ilmu yang mendalam dalam ilmu akidah menyebabkan mereka sesuka hati mencampur adukkan sesuatu amalan dengan adat. Ajaran sesat ini akan merosakkan akidah sekaligus membawa kepada perpecahan umat Islam. Oleh yang demikian, ianya perlu dibanteras untuk memelihara akidah umat Islam.

Pernyataan tersebut turut disokong dalam kajian yang dilakukan oleh Khairulnazrin Nasir et al. (2019), mengenai adat kematian etnik Orang Sungai di daerah Pitas, Sabah. Kajian ini mendapati adat kematian yang dilakukan oleh etnik tersebut banyak dipengaruhi dengan unsur-unsur animisme iaitu kepercayaan terhadap roh, semangat dan makhluk *supernatural*. Begitu juga dengan kajian berkaitan dengan amalan khurafat yang dilakukan terhadap bayi yang dikaji oleh Rahmat Abdullah dan Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas (2023) mendapati bahawa 90 peratus daripada responden melakukan amalan khurafat terhadap bayi melebihi daripada satu amalan. Hal ini disebabkan oleh pengaruh dan juga budaya masyarakat yang biasa melakukan amalan tersebut meskipun ianya menyeleweng.

Dalam hal ini, pihak berkuasa agama seperti Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri telah mengeluarkan garis panduan mengenai khurafat, namun amalan khurafat masih berkembang meskipun banyak program dakwah yang telah dilakukan dan diwujudkan melalui peruntukan undang-undang Islam berkaitan dengan isu ini. Amalan khurafat termasuk dalam *al-bid'ah al-i'tiqadiyyah* dan terdapat aspek seperti perbomohan, telekan, tangkal azimat dan sebagainya Mohd Kamel Mat Salleh et al., (2021). Kajian Nurulraudzatuladibah Mohamad Alias et. al (2019) juga mendapati melalui peradaban Melayu merupakan kemunculan awal amalan khurafat dalam adat resam. Ia berpunca daripada tiga unsur utama yang telah dicampur-aduk dengan ajaran Islam seperti animisme-dinamisme, hinduisme dan serta perbuatan lain yang tidak dalam ajaran agama Islam. Amalan yang mengandungi aspek tersebut dilakukan tanpa menyedari implikasi terhadap akidah dalam masyarakat Melayu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Data kajian telah dikutip menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti tahap kefahaman, faktor yang mempengaruhi serta impak pemahaman murid sekolah menengah agama terhadap amalan khurafat di daerah Papar, Sabah. Seramai 52 orang murid tingkatan enam dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Responden dipilih dalam kalangan murid tingkatan enam di atas faktor kematangan dan dalam tempoh transisi umur ke peringkat belia. Instrumen soal selidik merangkumi empat bahagian iaitu demografi, tahap kefahaman, faktor mempengaruhi dan impak terhadap kehidupan harian, dengan item dinilai menggunakan skala likert lima mata. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Sosial Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min. Analisis deskriptif juga menggunakan interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap setuju yang tinggi dengan purata nilai min 3.67 hingga 5.00, tahap sederhana dengan purata nilai min 2.34 hingga 3.66 dan tahap rendah dengan purata nilai min 1.00 hingga 2.33. Purata nilai min dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.50	Sangat Rendah
1.51- 2.50	Rendah
2.51- 3.50	Sederhana
3.51- 4.50	Tinggi
4.51-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Mohd Asri Harun et al. (2016)

Kaedah analisis data menggunakan min dan peratus untuk mengira hasil dapatan. Huraian analisis deskriptif dalam kajian ini menggunakan interpretasi min. Semakin tinggi nilai min, maka semakin tinggi interpretasi bagi sesuatu isu yang dikaji, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Hasil Kajian dan Perbincangan

(a) Demografi Responden

Hasil kajian mendapati responden lelaki seramai 25 orang (48.1 peratus) dan perempuan seramai 27 orang (51.9 peratus), seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	25	48.1
Perempuan	27	51.9
Jumlah	52	100

Jadual 3 menunjukkan dapatan berdasarkan item umur. Responden yang berumur 18 tahun adalah seramai 40 orang (76.9 peratus), manakala bagi responden yang berumur 19 Tahun seramai 7 orang (13.5 peratus) dan responden berumur 20 tahun seramai 5 orang (9.6 peratus). Dapatan kajian ini menunjukkan responden tingkatan enam mempunyai peringkat umur yang berbeza.

Jadual 3: Umur

Item	Kekerapan	Peratus
18 Tahun	40	76.9
19 Tahun	7	13.5
20 Tahun	5	9.6

Jadual 4 pula menunjukkan dapatan kajian berdasarkan item suku kaum. Hasil dapatan menunjukkan responden terdiri daripada suku kaum Kadazandusun seramai 7 (13.5 peratus), Dusun seramai 20 orang (38.5 peratus), Bajau seramai 6 orang (11.5 peratus), Bugis seramai 2 orang (3.8 peratus), dan lain-lain suku kaum seramai 17 orang (32.7 peratus). Suku kaum lain-lain terdiri daripada Melayu, Sungai dan sebagainya.

Jadual 4: Suku Kaum

Item	Kekerapan	Peratus
Kadazandusun	7	13.5
Dusun	20	38.5
Bajau	6	11.5
Bugis	2	3.8
Lain-lain	17	32.7

(b) Kefahaman Responden Terhadap Amalan Khurafat

Berdasarkan Jadual 5, dapatan menunjukkan purata nilai min bagi konstruk kefahaman responden terhadap amalan khurafat di tahap tinggi iaitu 4.27 (3.51- 4.50). Item yang mempunyai nilai min sangat tinggi (skor min = 4.51-5.00) ialah item B1 ‘saya percaya bahawa amalan khurafat boleh menjejaskan akidah seseorang’ (min=4.58), item B4 ‘Saya percaya bahawa amalan khurafat boleh menjejaskan akidah seseorang (min=4.69), item B7 ‘Saya percaya bahawa pendidikan agama yang mendalam seperti melaksanakan ceramah “Bahaya Khurafat Dalam Kehidupan Seorang Muslim” boleh mengurangkan amalan khurafat dalam kalangan masyarakat’ (min=4.63).

Item yang mempunyai nilai skor min tinggi (3.51-4.50) ialah item B2 ‘Keteguran, tarian bubu mengalai dan sogit merupakan antara amalan yang mempunyai unsur khurafat’ (min=3.65), item B5 ‘Amalan pasuhuk iaitu upacara pemulihan spiritual yang dilakukan oleh bomoh dikategorikan sebagai khurafat kerana terdapat unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam’ (min=4.46) dan item B6 ‘Saya dapat membezakan antara amalan khurafat dan amalan yang dibenarkan dalam Islam’ (min=4.48). Manakala item B3 ‘keteguran mempunyai unsur khurafat kerana mempercayai seseorang boleh jatuh sakit kerana diganggu hantu’ mempunyai nilai min sederhana (2.51-3.50) iaitu min=3.42. Ini menunjukkan kefahaman responden terhadap amalan khurafat dalam masyarakat di tahap tinggi. Walaupun demikian, terdapat juga responden yang kurang memahami terhadap amalan khurafat.

Dapatan ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rahmat Abdullah (2023) yang mendapati pemahaman responden tentang amalan khurafat berkaitan uri bayi berada pada tahap yang sederhana kerana 90 peratus daripada responden melakukan amalan khurafat terhadap bayi melebihi daripada satu amalan. Justeru itu, kajian ini juga berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Salbiah Kindoyop & Nurul Aisyah Othman (2021) dimana hasil daripada temu bual yang dilakukan dengan informan mendapati bahawa warisan harta pusaka turun temurun yang mempunyai unsur khurafat masih dilaksanakan dalam masyarakat tersebut dan menjadi kebanggaan masyarakat mereka. Kedua-dua kajian ini tidak selari dengan hasil dapatan kajian pengkaji dalam bahagian ini kerana hasil kajian masing-masing mendapati bahawa responden tidak memahami amalan khurafat.

Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa responden mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap amalan khurafat kerana mempunyai pendedahan asas berkaitan dengan ilmu akidah di sekolah agama. Oleh itu, majoriti daripada mereka dapat membezakan antara amalan yang dilarang dan amalan yang dibenarkan di dalam Islam. Walaupun demikian masih terdapat diantara murid sekolah menengah agama yang masih kurang dalam memahami amalan khurafat. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kekerapan dan peratus skala sangat tidak setuju (STS), setuju (S) dan tidak pasti (TP) dalam item B1, B2, B3, B4, B5, B6 dan B7.

Jadual 5: Kefahaman Responden Terhadap Amalan Khurafat

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
B1	Khurafat merujuk kepada kepercayaan atau amalan yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam.	2 (3.8)	-	2 (3.8)	10 (19.2)	38 (73.1)	4.58	0.893
B2	Keteguran, tarian bubu mengalai dan sogit merupakan antara amalan yang mempunyai unsur khurafat.	3 (5.8)	2 (3.8)	18 (34.6)	16 (30.8)	13 (25.0)	3.65	1.08
B3	Keteguran mempunyai unsur khurafat kerana mempercayai seseorang boleh jatuh sakit kerana diganggu hantu.	5 (9.6)	4 (7.7)	19 (36.5)	12 (23.1)	12 (23.1)	3.42	1.210
B4	Saya percaya bahawa amalan khurafat boleh menjejaskan akidah seseorang.	1 (1.9)	-	2 (3.8)	8 (15.4)	41 (78.8)	4.69	0.729
B5	Amalan pasuhuk iaitu upacara pemulihan spiritual yang dilakukan oleh bomoh dikategorikan sebagai khurafat kerana terdapat unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam.	1 (1.9)	-	6 (11.5)	12 (23.1)	33 (63.5)	4.46	0.851
B6	Saya dapat membezakan antara amalan khurafat dan amalan yang dibenarkan dalam Islam.	1 (1.9)	-	1 (1.9)	21 (40.4)	29 (55.8)	4.48	0.727
B7	Saya percaya bahawa pendidikan agama yang mendalam seperti melaksanakan ceramah “Bahaya Khurafat Dalam Kehidupan Seorang Muslim” boleh mengurangkan amalan	1 (1.9)	1 (1.9)	-	12 (23.1)	38 (73.1)	4.63	0.768

bersambung

khurafat dalam kalangan
masyarakat.

Purata min = 4.27

(c) Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemahaman Responden Terhadap Amalan Khurafat

Berdasarkan Jadual 6, purata min bagi konstruk faktor-faktor yang mempengaruhi responden terhadap amalan khurafat ialah 3.96 dan berada di tahap yang tinggi (min=3.51-4.50). Item yang mempunyai nilai min sangat tinggi (4.51-5.00) adalah item C4 'Dengan mempelajari subjek Pendidikan Islam di sekolah, dapat membantu saya untuk memahami bahaya amalan khurafat' (min = 4.65), item C6 'Saya percaya bahawa kurangnya pengetahuan agama adalah salah satu faktor utama seseorang terlibat dalam amalan khurafat' (min = 4.69) dan item C11 'Program-program keagamaan di luar sekolah seperti di masjid atau surau membantu saya memahami dan menjauhi amalan khurafat' (min = 4.56).

Manakala item yang mempunyai nilai min di tahap tinggi (3.51-4.50) ialah item C2 'Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan saya tentang amalan khurafat' (min = 4.48), item C3 'Media sosial seperti TikTok, sering kali menyebarkan maklumat yang boleh menggalakkan amalan khurafat' (min = 3.58), item C5 'Ceramah agama di sekolah mengenai akidah mempengaruhi pandangan saya terhadap amalan khurafat' (min = 4.38), item C8 'Guru Pendidikan Islam di sekolah saya memainkan peranan penting dalam memberikan penerangan mengenai amalan khurafat' (min = 4.37), dan item C12 'Perbincangan kumpulan di dalam kelas mengenai khurafat mempengaruhi pandangan saya terhadap amalan khurafat' (min = 3.94). Item yang mempunyai nilai min sederhana (2.51-3.50) ialah, item C1 'Pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi saya untuk terlibat dalam amalan khurafat' (min = 3.50), item C7 'Kehidupan keluarga saya masih dipengaruhi dengan adat resam generasi lama' (min = 2.54), item C9 'Saya sering mendengar tentang amalan khurafat melalui cerita-cerita dari generasi lama dalam keluarga saya' (min = 3.42) dan item C10 'Pendedahan dalam filem atau rancangan televisyen yang mengandungi unsur khurafat telah mempengaruhi pandangan saya tentang khurafat (min = 3.42).

Dapatan ini menunjukkan terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemahaman responden terhadap amalan khurafat iaitu faktor keluarga, media sosial, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah, ceramah agama, filem atau rancangan televisyen dan perbincangan kumpulan dalam kelas bersama rakan-rakan mengenai amalan khurafat. Kajian ini selari dengan kajian Rahim K, Z dan Saifullah Mamat (2019), mendapati adat kematian etnik Orang Sungai mempunyai unsur khurafat kerana dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme iaitu kepercayaan terhadap roh, semangat dan makhluk *supernatural*. Dalam kajian Shaqila Rashid (2016), faktor menonton filem yang mempunyai unsur syirik dapat meracuni pemikiran manusia terutama kanak-kanak kerana mereka belum mempunyai ilmu yang kukuh mengenai amalan syirik tersebut. Selain itu, kajian daripada Mohamad Alias et. Al (2019) menyatakan bahawa faktor tularnya amalan khurafat dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga kini adalah disebabkan oleh percampuran dengan fahaman yang dulu.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi pemahaman murid terhadap amalan khurafat. Faktor-faktor tersebut berbeza-beza antara individu mengikut kepada diri masing-masing. Faktor utama yang mempengaruhi kefahaman mengenai amalan khurafat itu adalah faktor kurangnya pengetahuan agama kerana ianya

merupakan pengetahuan asas yang perlu diketahui untuk membezakan amalan-amalan yang dilarang dan dibolehkan di dalam Islam.

Jadual 6: Faktor yang Mempengaruhi Responden Terhadap Amalan Khurafat

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
C1	Pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi saya untuk terlibat dalam amalan khurafat.	6 (11.5)	5 (9.6)	10 (19.2)	19 (36.5)	12 (23.1)	3.50	1.28
C2	Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan saya tentang amalan khurafat.	3 (5.8)	-	1 (1.9)	13 (25.0)	35 (67.3)	4.48	1.00
C3	Media sosial seperti TikTok, sering kali menyebarkan maklumat yang boleh menggalakkan amalan khurafat.	2 (3.8)	7 (13.5)	14 (26.9)	17 (32.7)	12 (23.1)	3.58	1.11
C4	Dengan mempelajari subjek Pendidikan Islam di sekolah, dapat membantu saya untuk memahami bahaya amalan khurafat.	1 (1.9)	-	1 (1.9)	12 (23.1)	38 (73.1)	4.65	0.71
C5	Ceramah agama di sekolah mengenai akidah mempengaruhi pandangan saya terhadap amalan khurafat.	1 (1.9)	2 (3.8)	5 (9.6)	12 (23.1)	32 (61.5)	4.38	0.95
C6	Saya percaya bahawa kurangnya pengetahuannya agama adalah salah satu faktor utama seseorang terlibat dalam amalan khurafat.	1 (1.9)	-	1 (1.9)	10 (19.2)	40 (76.9)	4.69	0.70
C7	Kehidupan keluarga saya masih dipengaruhi dengan adat resam generasi lama.	17 (32.7)	13 (25.0)	7 (13.5)	7 (13.5)	8 (15.4)	2.54	1.46
C8	Guru Pendidikan Islam di sekolah saya memainkan peranan penting dalam memberikan penerangan mengenai amalan khurafat.	1 (1.9)	-	6 (11.5)	17 (32.7)	28 (53.8)	4.37	0.84
C9	Saya sering mendengar tentang amalan khurafat melalui cerita-cerita dari generasi lama dalam keluarga saya.	7 (13.5)	8 (15.4)	9 (17.3)	12 (23.1)	16 (30.8)	3.42	1.42
C10	Pendedahan dalam filem atau rancangan televisyen yang mengandungi unsur khurafat mempengaruhi saya tentang khurafat.	8 (15.4)	6 (11.5)	9 (17.3)	14 (26.9)	15 (28.8)	3.42	1.42
C11	Program-program keagamaan di luar sekolah seperti di masjid atau surau	1 (1.9)	-	1 (1.9)	17 (32.7)	33 (63.5)	4.56	0.72

bersambung

	membantu saya memahami dan menjauhi amalan khurafat.							
C12	Perbincangan kumpulan di dalam kelas mengenai khurafat mempengaruhi pandangan saya terhadap amalan khurafat.	5 (9.6)	1 (1.9)	7 (13.5)	18 (34.6)	21 (40.4)	3.94	1.23

Purata min = 3.96

(d) Kesan Pemahaman Responden Amalan Khurafat dalam Kehidupan Sehari-hari

Berdasarkan Jadual 7, purata nilai min bagi konstruk kesan pemahaman murid terhadap amalan khurafat ialah 4.46 dan berada di tahap interpretasi skor min sangat tinggi (4.51-5.00). Semua item mempunyai nilai min sangat tinggi (4.51-5.00) iaitu item D1 'Pemahaman saya tentang bahaya amalan khurafat menjadikan saya lebih berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu amalan yang tidak pasti' (min = 4.54), item D2 'Pengetahuan saya terhadap amalan khurafat mendorong saya untuk menasihati keluarga dan rakan saya agar menjauhi amalan tersebut' (min = 4.52), item D3 'Pemahaman saya tentang khurafat mendorong saya untuk mengkaji lebih lanjut tentang ajaran Islam yang sebenar' (min = 4.48), item D4 'Saya cenderung menghadiri ceramah setelah mengetahui tentang keburukan amalan khurafat' (min = 4.19) dan item D5 'Saya akan memastikan kesahihan sesuatu amalan yang saya jumpa dalam laman sesawang seperti TikTok, Google atau YouTube sebelum berkongsi kepada orang lain' (min = 4.56).

Dapatan ini menunjukkan bahawa kesan daripada pemahaman responden terhadap amalan khurafat menjadikan sikap berhati-hati, menasihati ahli keluarga, dan cenderung untuk menghadiri ceramah di mana-mana ruang. Pemahaman responden mengenai amalan khurafat dapat memberi kesan kepada tindakan dalam kehidupan sehari-hari untuk mengelakkan dan menolak amalan khurafat. Dapatan ini selari dengan kajian Kamel Mat Salleh et al. (2023) yang mendapati terdapat pandangan hukum dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan serta diwartakan pengharamannya bagi membanteras amalan khurafat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam. Dengan itu, pemahaman terhadap amalan khurafat adalah penting kerana ia membantu orang Islam dalam mengelakkan diri daripada terlibat dalam amalan yang mempunyai unsur khurafat.

Jadual 7: Impak Pemahaman Responden Terhadap Amalan Khurafat dalam Kehidupan Sehari-hari

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
D1	Pemahaman saya tentang bahaya amalan khurafat menjadikan saya lebih berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu amalan yang tidak pasti.	1 (1.9)	-	4 (7.7)	13 (25.0)	34 (65.4)	4.54	0.73
D2	Pengetahuan saya terhadap amalan khurafat mendorong saya untuk menasihati keluarga dan rakan saya agar menjauhi amalan tersebut.	2 (3.8)	-	1 (1.9)	17 (32.7)	32 (61.5)	4.52	0.73

bersambung

D3	Pemahaman saya tentang khurafat mendorong saya untuk mengkaji lebih lanjut tentang ajaran Islam yang sebenar.	1 (1.9)	-	4 (7.7)	15 (28.8)	32 (61.5)	4.48	0.80
D4	Saya cenderung menghadiri ceramah setelah mengetahui tentang keburukan amalan khurafat.	1 (1.9)	2 (3.8)	4 (7.7)	24 (46.2)	21 (40.4)	4.19	0.89
D5	Saya akan memastikan kesahihan sesuatu amalan yang saya jumpa dalam laman sesawang seperti TikTok, Google atau YouTube sebelum berkongsi kepada orang lain.	1 (1.9)	-	3 (5.8)	13 (25.0)	35 (67.3)	4.56	0.78

Purata min = 4.46

Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman responden di Sekolah Menengah Agama daerah Papar, Sabah terhadap amalan khurafat berada pada tahap tinggi. Ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor, khususnya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah, sokongan keluarga, penyertaan dalam program keagamaan, serta bimbingan guru. Pemahaman yang mantap ini memberikan implikasi positif terhadap tingkah laku murid, termasuk sikap berhati-hati dalam mengamalkan adat, keupayaan menasihati ahli keluarga dan rakan sebaya, serta keprihatinan dalam menilai kesahihan sesuatu amalan sebelum dipraktikkan. Masyarakat Islam perlu merujuk daripada sumber yang tepat seperti kenyataan fatwa-fatwa dan mufti untuk mengetahui sama ada sesuatu adat itu mempunyai unsur khurafat atau tidak. Keperluan pendidikan agama yang sistematik dalam masyarakat Islam secara berterusan dalam membendung pengaruh amalan khurafat dalam masyarakat. Dapatan kajian ini penting dalam membantu untuk meningkatkan kesedaran kepada pelbagai pihak terutamanya masyarakat yang beragama Islam agar menjaga akidah Islam yang sebenar tanpa mencampur adukkan dengan amalan atau fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam tanpa disedari. Oleh itu, sinergi antara pihak berkuasa agama, institusi pendidikan, dan masyarakat umum perlu diperkukuhkan bagi memastikan adat resam yang diamalkan tidak bercanggah dengan prinsip akidah Islam. Usaha ini bukan sahaja dapat mengekang perkembangan amalan khurafat, bahkan menjadi asas kepada pemeliharaan kesucian ajaran Islam dalam konteks masyarakat majmuk di Sabah.

Rujukan

- Borham, A. H., Abdullah, W. H. & Abdul Rahim, M. M. 2021. Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah (Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony). *Jurnal Usuluddin*, 49(1) 1–26. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49.no1.1>
- Fadzli Adam, et al. 2014. *Al-Bid'ah Al-I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya Dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka*. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli Dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Ibn Taymiyyah. 2001. *Kitab al-Istiqamah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2011. Kepercayaan Dan Amalan Khurafat Serta Penggunaan Azimat Menurut Perspektif Islam. E-Smaf.islam.gov.my, smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12002.

- Jabatan Mufti Negeri Sabah. 2019. *Panduan Mengenali Khurafat dan Azimat*. Sabah: Jabatan Cetak Malaysia.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairulnazrin Nasir, et al. 2019. Pengaruh Animisme Dalam Adat Kematian Orang Sungai di Daerah Pitas, Sabah: Satu Tinjauan. *Borneo International Journal*. 1(3), 1–11.
- Kindoyop, S., and Nurul Aisyah Othman. 2021. Amalan dan Kepercayaan Tradisi Pemakaian Sunduk Masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16 (2) 13–19. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.2.2021>.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab. (2016). Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam kalangan Guru Bahasa Melayu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 32–45.
- Mohd Kamel, et al. 2021. Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. 26 (2) 144-157. jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/download/394/333/1175.
- Nurulraudzatuladibah Mohamad Alias, et al. 2019. Amalan Khurafat Dalam Adat Resam Masyarakat Melayu: Realiti Di Malaysia. International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic and Arabic Education Linguistic, Social Science and Educational Technology. Politeknik Negeri Medan & Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UIN SU), Medan, Indonesia. 19 Mei.
- Rahmat Abdullah & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. 2023. Amalan Khurafat Berkaitan Bayi Dalam Masyarakat Melayu Islam Melaka. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 24(2), 1-13.
- Shaqila Rashid. 2016. “Contoh Kk Usul Kak Sarah.” Www.Academia.Edu, Www.Academia.Edu/38250891/Contoh_Kk_Usul_Kak_Sarah.